

# USAHA ULAMA HADITH MUTAQADDIMIN DALAM MENGEKANG PENYEBARAN HADITH PALSU

Muhammad Shamel Bin Abd Rahman<sup>i</sup>, Amiruddin Mohd Sobali.<sup>ii</sup>,

<sup>i</sup>, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel:  
[shamel.ss68@gmail.com](mailto:shamel.ss68@gmail.com)

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel:  
[amiruddin@usim.edu.my](mailto:amiruddin@usim.edu.my)

## ABSTRAK

Kekacauan yang berlaku dalam kalangan umat Islam adalah disebabkan penyebaran hadith palsu. Hal ini kerana atas faktor politik, taksub mazhab, ghuluw dalam ibadah serta mengejar populariti dalam kalangan masyarakat awam. Sehubungan dengan itu, hadith palsu dalam kalangan agamawan dan penceramah masih lagi berlaku. Hal ini kerana, mereka mengambil sikap sambil lewa dalam menyebarkan perkara yang tidak benar daripada nabi Muhammad S.A.W. Rentetan itu, setelah kewafatan baginda Rasulullah S.A.W, munculnya para ulama hadith yang berusaha mengekang penyebaran hadith palsu dalam kalangan masyarakat. Pelbagai usaha yang dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut pada zaman mereka. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan data kajian diperolehi daripada artikel jurnal, buku dan laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil kajian ini adalah, penulis akan meninjau usaha-usaha ulama hadith dalam mengekang penyebaran hadith palsu pada zaman periwayatan hadith. Diharap kajian ini akan menjadi panduan pemerintah, badan autoriti agama dalam mengambil tindakan proaktif terhadap penyebar hadith palsu.

**Kata-kata kunci:** hadith palsu, mutaqaddimin, ulama hadith

## PENGENALAN

Hadith Rasulullah SAW telah diiktiraf secara ijmak bahawa ianya merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Quran (Muhammad Mustafa Azami, 1989). Hadith terus dipelihara dan disebarluaskan oleh para ‘ulama di sepanjang zaman sama ada secara lisan atau secara penulisan. Dalam masa yang sama, disebabkan faktor-faktor tertentu seperti ketaksuban, kejahilan dan sebagainya, hadis – hadis palsu turut muncul dan disebarluaskan oleh golongan tertentu. Menurut Faisal (2017) antara penyebab tersebarnya hadith-hadith palsu dalam kalangan masyarakat adalah berpunca dari kurangnya pengetahuan berkaitan hadith palsu secara umum, merujuk kepada karya- karya jawi yang belum disemak penilaian status hadis dan sebagainya. Golongan agamawan juga tidak lari dari faktor penyebab tersebarnya hadith palsu. Terkadang mereka beranggapan setiap hadith yang terdapat dalam kitab-kitab hadith semuanya adalah sahih. Tindakan sebahagian ilmuwan mahupun penceramah secara bermudahan menerima serta menyebarkan maklumat yang tertulis dalam kitab turath kepada penuntut ilmu mahupun masyarakat awam tanpa diteliti terlebih dahulu segala maklumat yang terdapat dalamnya. Tindakan ini menyebabkan sebahagian maklumat yang

disebarkan adalah kurang tepat dan terdapat juga maklumat yang silap dan jauh daripada kebenaran Ahmad Mursyid Azhar (2023).

Memetik keratan akhbar Harian Metro Husain Jahit melaporkan bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar merasa terkilan isu Ustaz Don yang masih berlarutan, hal ini kerana berikutan Don Daniyal memberi kenyataan mengelirukan berhubung ibadah berpuasa pada hari kedua, ketiga dan keempat. Menurut Menteri, “nasihat saya apabila mahu menyampaikan ilmu pengetahuan itu, biarlah ia didasarkan kepada sumber-sumber dan rujukan yang kita yakini. Agamawan ini mempunyai pengkhususan, kalau dalam bidang hadith, kita mempunyai agamawan yang pakar hadis.”

Pengkaji mendapati tiada tindakan daripada pemerintah dan ulama mengekang perkara ini berlarutan, seakan-akan perkara ini bukan isu yang besar. Maka, kajian yang akan dijalankan ini akan meninjau usaha-usaha ulama hadith mutaqaddimin dalam mengekang penyebaran hadith palsu. Kajian ini sebagai panduan pemerintah, jabatan-jabatan agama mengambil tindakan proaktif terhadap penyebar hadith palsu.

## KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan penelitian pengkaji, didapati bahawa kajian berkaitan usaha ulama hadith mutaqaddimin dalam mengekang penyebaran hadith palsu masih belum dilakukan oleh pengkaji-pengkaji semasa dan terdahulu. Selain itu terdapat pelbagai penulisan yang berkaitan tentang ulama hadith mutaqaddimin dan kajian berkaitan hadith palsu.

Muhammad Asyraf baharuddin dan Roshimah Shamsudin (2022) telah menjalankan kajian tentang **Manhaj Ulama Hadith Mutaqaddimin, Muta’akhhirin dan Mu’asirin dalam Taqwiyah Hadis Hasan Dan Da’if**. Artikel ini bertujuan mengkaji kepelbagaiannya manhaj sarjana hadith mutaqaddimin, muta’akhhirin dan mu’asirin dalam berinteraksi dengan taqwiyah hadith hasan dan da’if. Hasil kajian mendapati, Perbezaan manhaj mereka dalam *taqwiyah al-hadith* pula dalam dilihat dalam aspek yang berkaitan dengan beberapa elemen yang menjadi asas pertimbangan iaitu penerimaan umat terhadap hadis, keselarasan dengan zahir alQuran dan juga pengamalan mujtahid dengan hadis tertentu.

Abdul Hafiz (2020) telah menulis artikel tentang **Kritik Ulama Hadits (Ilmu Jarh Wa Ta’dil Sebagai Upaya Dalam Menjaga Orisinalitas Hadits)**. Penulis merumuskan bahawa kritik ulama hadits atau yang disebut dengan ilmu jarh wa ta’dil merupakan salah satu usaha untuk menjaga keaslian hadith Rasulullah SAW. Adanya keragaman antara ulama hadits dari segi dabt, tsiqah, dan sebagainya, bahkan munculnya beberapa orang yang berani membuat hadith palsu (*maudu’*) dan dinisbahkan kepada Rasulullah SAW untuk kepentingan peribadi dan kelompoknya menyebabkan para ulama hadith melakukan pilihan yang ketat terhadap hadith yang sampai kepada mereka. Abu Bakar as-Shiddiq adalah orang yang pertama melakukan uji ketulenan hadith dalam isu warisan nenek. Begitu juga Umar bin Khattab melakukan uji ketulenan hadith dalam hadith Abu Musa al-Asy’ari dengan meminta saksi. Puncak dari perkembangan ilmu jarh wa ta’dil terjadi pada abad ke-3 H. dengan munculnya beberapa tokoh muslim yang prihatin terhadap ilmu jarh wa ta’dil, seperti Yahya bin Ma’in, Ali al-Madini, dan sebagainya.

Nur Afifi Bin Alit, Shumsudin Yabi, Mohd Yusuf Ismail (2023) menjalankan kajian tentang **Aplikasi Tabayyun dalam Penerimaan Hadis dan Kepentingannya dalam Mengkekang Penyebaran Hadis Palsu di Malaysia**. Kajian ini akan menerangkan konsep tabayyun dan aplikasinya dalam penerimaan hadis selain kepentingannya dalam mengekang penyebaran hadis palsu dalam masyarakat yang semakin menular mutakhir ini. Hasil kajian menunjukkan aplikasi konsep tabayyun ini dapat menjadi kaedah berkesan dalam menyekat penyebaran hadis palsu di Malaysia, melihat kepada beberapa kepentingannya antaranya dalam memastikan ketulenan sesuatu berita yang diterima, menghidupkan sunnah para ulama terdahulu, mendidik sikap berhati hati, melatih ketelitian penyampai berita, dan mengelak salah faham dalam penerimaan hadis. Oleh yang demikian kajian ini akan mengumpulkan usaha-usaha ulama hadith mutaqaddimin dari segi aspek penulisan, perkataan ulama hadith dan tindakan mereka dalam mengekang penyebaran hadith palsu.

Yaakob, M. A. bin, & Shamsudin, R. (2019) telah mengkaji **Manhaj Sarjana Hadith Dalam Menentukan ‘illah Dalam Periwayatan Al-Tafarrud: Kajian Perbandingan Antara Sarjana Mutaqaddimin DAN Mutaakhirin**. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji kedua-dua aspek yang terdapat dalam metodologi yang digunakan oleh kedua-dua golongan cendekiawan hadis mutaqaddimin dan muta’akhhirin dalam menentukan ‘illah dalam hadis tafarrud. Bagi mencapai objektif ini, satu kajian kualitatif telah dijalankan untuk mendapatkan data melalui penyelidikan perpustakaan. Data kemudian dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan bahawa cendekiawan hadis mutaqaddimin menentukan ‘illah berdasarkan bukti-bukti keadaan (qarinah) yang menunjukkan wujud wahn dalam narasi yang berkenaan. Manakala cendekiawan hadis muta’akhhirin pula mentakrifkan ‘illah berdasarkan dua ciri utama, iaitu kedudukan perawi dan wujud elemen pemahaman teks yang berbeza (al-mukhalafah) dengan perawi lain. Justeru kajian yang dijalankan ini akan menumpukan kepada ulama hadith mutaqaddimin sahaja.

Buku yang ditulis oleh Kamilin Jamilin, (2018) yang bertajuk **“Ulama Hadis Makhluk Asing Dari Bumi”**. Buku ini merupakan himpunan 60 kisah unik para ilmuwan Islam khususnya ahli hadith. Hasil kajian mendapat bahawa buku ini memberi motivasi kepada umat Islam agar dapat meneladani ulama hadith dalam kehidupan khususnya dalam ibadah dan ilmu. Oleh itu, kajian yang bakal dijalankan ini akan memfokuskan kepada usaha-usaha ulama hadith dalam mengekang penyebaran hadith palsu.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dan melibatkan pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Oleh yang demikian,. Kajian kualitatif ini bertujuan memperoleh maklumat yang berstatus sejarah seperti tinjauan usaha ulama hadith mutaqaddimin dalam mengekang penyebaran hadith palsu. Data diperolehi daripada pelbagai jenis bahan-bahan bertulis seperti penerbitan rasmi atau tidak seperti buku-buku, kamus, kertas kerja, dan jurnal. Dalam mendapatkan data kajian perpustakaan, penulis menggunakan khidmat perpustakaan di Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia. Tambahan lagi, penulis akan menggunakan perisian komputer seperti Maktabah Syamilah untuk menyokong kajian penulis.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### ULAMA HADITH MUTAQADDIMIN

Dari sudut bahasa al-Mutaqaddim adalah orang yang mendahului orang lain, di dalam al-Quran dalam Surah al-Muddathir yang bermaksud: Sebagai peringatan kepada manusia, (iaitu) bagi siapa yang diantara kamu yang ingin maju atau mundur.” Ayat yang lain Allah berfirman dalam surah al-Hijr yang bermaksud“Tidak ada suatu umat pun yang dapat mendahului ajalnya dan tidak (pula)dapat melewatkannya.” Dalam surah yang sama “Dan sesungguhnya kami telah mengetahui orang terdahulu daripadamu dan sesungguhnya Kami mengetahui pula orang yang terkemudian (daripadamu).”

Menurut Istilah Ulama hadith Mutaqaddimin ialah ulama hadith yang hidup di zaman awal Islam sehingga pada akhir kurun ketiga hijrah, Menurut Al-Dhahabi (2009) dalam mukadimah Mizan al-I‘tidal menyatakan bahawa had pemisah bagi mutaqaddimin dan muta’akhkirin ialah 300 tahun kerana menjurus kepada takrifan tiga kurun yang terbaik bermula daripada kurun pertama iaitu zaman para sahabat.

Sahabat Nabi SAW merupakan di antara generasi yang terbaik kerana mereka hidup sezaman dengan Nabi SAW dan mereka juga dididik sendiri oleh Baginda SAW. Hal ini diakui sendiri oleh Baginda SAW melalui sabdanya: “Sebaik-baik manusia adalah kurunku. Kemudian kurun selepas daripada mereka dan kemudian kurun selepas daripada mereka.” (Sahih al-Bukhari).

Antara contoh ulama hadith mutaqaddimin adalah Syu’bah, al-Qattan, Ibn Mahdi, kemudian ashab mereka iaitu Ahmad Bin Hanbal, Ibn Al-madini, Ibn main, Ibn Rahuyah, kemudian semisal al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmidhi, Nasaie dan sebagainya.

### HUKUM MERIWAYATKAN HADITH PALSU DAN ANCAMAN KEPADA PEMALU HADITH

Para ulama umat telah sepakat mengenai pengharaman meriwayatkan hadith yang palsu. Tidak boleh seseorang meriwayatkan hadith jika dia mengetahui bahawa hadith tersebut adalah palsu, kecuali jika dia menjelaskan status hadith tersebut dan menyatakan bahawa ia adalah palsu. Imam Muslim dalam mukadimah kitabnya, Sahih Muslim, mengatakan: "Kewajipan bagi setiap orang mengetahui perbezaan antara riwayat yang sahih dan yang tidak sahih, serta antara perawi yang dipercayai dan yang tidak dipercayai, adalah hanya meriwayatkan apa yang diketahui kesahihannya dan menghindari apa yang berasal dari orang yang tidak dipercayai dan penentang golongan bidaah.

Sehubungan dengan itu, Nabi Muhammad S.A.W telah memberi amaran yang keras terhadap mereka yang mendustakan hadith nabi. Nabi S.A.W bersabda “barangsiapa yang mendustakan aku, maka disediakan tempat di neraka untuknya.” Hal ini menunjukkan bahawa menyebarkan hadith palsu merupakan satu jenayah ilmu lebih-lebih lagi menyebarkannya tanpa diketahui statusnya.

## **FAKTOR-FAKTOR TERSEBARNYA HADITH PALSU DI DUNIA ISLAM**

Secara sedar atau tidak sedar, punca hadith palsu berlaku disebabkan oleh tindakan yang dilakukan oleh musuh Islam atau oleh orang Islam sendiri. Hadith palsu wujud dengan beberapa sebab, ringkasannya adalah seperti berikut:

1. Kepentingan mazhab Aqidah. Seperti yang dilakukan oleh pengikut Syiah yang memalsukan banyak hadith tentang kelebihan Saidina Ali dan Ahlul Bait. Pencipta hadith palsu atau golongan pendusta menasarkan kelebihan individu tertentu. Ia banyak dijumpai di dalam kitab-kitab yang membincarkan perkara usul dan furu' di sisi Syiah. Di dalam kitab mereka banyak dicipta hadith-hadith dan pengkhabaran palsu dan dinisbahkan kepada Ali bin Abi Talib RA, dan selain beliau di kalangan pembesar ahli keluarga Nabi SAW dengan menggunakan sanad yang terlalu lemah.
2. Dendam kesumat terhadap agama Islam dan umat Islam. Golongan zindiq dan selain mereka dari kalangan Yahudi, Majusi, pembenci dan pendendam kepada Islam samada terhadap agama itu sendiri yang telah mencetuskan permusuhan sekian lama. Mereka melakukan pelbagai bentuk pemalsuan dalam hadith yang semuanya bertujuan untuk merosakkan Islam dan penganutnya. Sebagai contoh, mereka memalsukan hadith berkaitan zat Allah, para malaikat, langit-langit dan bumi, kenabian, urusan ibadah, syariat dan sebagainya.
3. Kisah-kisah, nasihat untuk galakan dan ancaman. Membuat orang ramai menangis di dalam majlis-majlis mereka menjadi aspek penting dalam urusan memberi nasihat dan peringatan. Mereka sanggup memalsukan hadith nabi Muhammad S.A.W lalu menisahkan kepada baginda supaya orang yang hadir merasa sedih dan kagum dengan kata-kata mereka.
4. Mendekati Sultan dan pemerintah. Di setiap negara wujudnya kelompok yang kehilangan maruah mereka, agama mereka begitu nipis dan lemah, amat menyayangi dunia dan sanggup melebihkannya ke atas agama. Mereka memalsukan hadith demi untuk memuji perlakuan dan peribadi sultan dan pemerintah, serta agar dapat memuaskan dan kehendak peribadi mereka.
5. Ketaksuban kepada kabilah atau bangsa dan negara.

## **BENTUK USAHA ULAMA HADITH MENGEKANG PENYEBARAN HADITH PALSU**

Ulama hadith sangat berperanan dalam mengekang dan membanteras hadith palsu daripada berleluasa. Jasa mereka dalam perkara ini amatlah besar. Jika tidak kerana mereka, pasti agama in akan dirosakkan oleh para pemalsu hadith Nabi S.A.W. (al-shayuthy, 2016)

Lantaran itu, menurut Afifi, Shumsudin, Yusuf Ismail (2023) para ulama hadith terdahulu terkenal dengan sikap keprihatinan dan ketelitian mereka dalam memelihara ketulenan hadis. Kesungguhan mereka dalam memastikan hadith tidak dicemari dengan perbuatan perawi yang tidak berkredibiliti dapat dilihat menerusi kemunculan ilmu ilmu yang pelbagai dalam bidang hadith seperti ilmu Mustalah (kajian status hadis), ilmu Jarh dan Ta'dil (kritikan terhadap perawi), ilmu Takhrij (perekodan jalur hadis), ilmu Rijal (kajian terhadap latar belakang perawi) dan ilmu Naqd (kritikan terhadap kecacatan hadith).

Syed Abd Majid (2015) menambah ulama hadith dan para pengkaji berusaha melaksanakan kewajipan mereka dalam menjelaskan ahwal para perawi, mereka mengenalkan tentang nama-nama perawi, panggilan, gelaran, kelahiran dan tempat mereka membesar, menyelusuri pengembalaan para perawi dalam menuntut ilmu, mengikuti pergerakan dan diam para perawi, ibadat mereka dan urusan sehari-hari.

Pada bahagian ini pengkaji akan mengumpulkan beberapa hasil tinjauan usaha-usaha ulama hadith mutaqaddimin dalam mengekang penyebaran hadith palsu melalui penulisan, perkataan dan tindakan mereka terhadap pemalsu hadith

## PENULISAN

Antara usaha ulama hadith dalam mengekang penyebaran hadith palsu adalah dengan mengumpulkan hadith-hadith sahih. Setiap ulama hadith mutaqaddimin mempunyai syarat dan kriteria tersendiri dalam memilih dan memasukkan hadith yang diterima di dalam kitab mereka.

Pengkaji menyenaraikan beberapa contoh kitab hadith yang dikarang oleh ulama hadith mutaqaddimin antaranya ialah:

- 1) *Al-Jami' al-Musnad As-Sahih Al-Mukhtasar Min Rasulillah Salla allah alaihi wa Sallam wa sunanihi wa ayyamihai* karangan Muhammad Bin Ismail Bukhari. (w 256H).
- 2) Sahih Muslim: karangan al-Imam Abu al-Husayn Muslim bin al-hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi (w 261H)
- 3) *Al-Muntaqa al-Mukhtar min al-Sunan al-Musnada* 'an Rasulillah s.a.w fi al-Ahkam oleh: al-Hafiz Abu Muhammad 'Abdullah bin 'Ali ibn al-Jarud al-Naisaburi (w 307H)
- 4) Sahih Ibn Khuzaimah karangan al-Imam Abu Bakr Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah al-Naisaburi (w 311H)
- 5) Sahih Abi Awanah karangan al-Hafiz Ya'qub bin Ishaq Bin Ibrahim al-Isfaraini yang lebih dikenali sebagai Abu 'Awanah (w 316H).
- 6) Sahih Ibn al-Sakan karangan al-Hafiz Abu 'Ali Said bin Uthman bin Sa'id yang lebih dikenali dengan nama Ibn al-Sakan (w 353H)
- 7) Sahih Ibni Hibban karangan al-Imam Abu Hatim Muhammad bin Hibban al-Busti (w 354H) yang dikenali dengan nama Ibn Hibban.

## PERKATAAN

- 1) Imam Ahmad Bin Hanbal pernah berkata, "Manusia yang paling banyak berdusta adalah golongan penglipur lara." Dan ditanya kepadanya: Kalau kamu dapati seorang tukang cerita itu berkata benar, adakah kamu ingin duduk bersama mereka? Kata Imam Ahmad Bin Hanbal: Tidak!" Sikap ketegasan Imam Ahmad Bin Hanbal kepada penglipurlara haruslah dicontohi oleh umat Islam, hal ini menunjukkan tanda protes untuk tidak mendengar dan duduk di dalam majlis mereka.
- 2) Malik Bin Anas berkata: "Ilmu itu tidak diambil dari empat golongan, dan diambil ilmu daripada selain golongan tersebut: tidak diambil dari orang yang bodoh, dan tidak diambil dari orang yang menyeru kepada hawa nafsunya, dan tidak pula diambil dari orang yang berdusta. berdusta tentang hadith manusia, walaupun dia tidak mendakwa

- dengan hadis Rasulullah saw, dan tidak pula dari seseorang yang tua yang mempunyai kebaikan, soleh dan ibadah jika dia tidak mengetahui apa yang terjadi padanya.”
- 3) Kata Ibn Sirin: “Dahulunya mereka tidak bertanya berkenaan dengan sanad, namun apabila berlaku fitnah, mereka berkata: Berikan nama perawi kamu. Sekiranya perawi itu daripada kalangan Ahli Sunnah mereka akan diterima tetapi sekiranya daripada kalangan ahli bid ‘ah, maka ḥadis mereka ditolak”  
Perkataan ibn sirin ini memberi pengajaran kepada kita agar menyemak dahulu status orang yang menyampaikan sesuatu hadith.
- 4) Ibn Mubarok melalui kata-katanya: “Sesungguhnya Ilmu (Sanad) ini adalah agama, Justeru, lihatlah daripada siapa kamu mengambil agamamu”
- 5) Sufyan al-Tsauri berkata: "Aku tidak sesekali akan menyembunyikan (daripada memberitahu awam) tentang penipuan seseorang dalam hadis".  
Perkataan Sufyan al-Tsauri ini menunjukkan kepada kita bahawa beliau akan membongkarkan pendustaan dan penipuan yang dilakukan oleh orang yang menyebarkan hadith palsu kepada orang awam. Hal ini bagi memberitahu orang awam agar menjauhi dan tidak mengambil ilmu daripada individu yang menipu di dalam hadith.

## TINDAKAN

- 1) Umar al-Khattab apabila beliau ingin memastikan kesahihan hadith berkenaan meminta izin sebelum memasuki rumah seperti yang disampaikan oleh Abu Musa al-‘Asy’ari melalui pertanyaannya kepada saksi yang lain, beliau berkata: “Sesungguhnya aku tidak mentohmah (kejuran)mu, tetapi aku hanya takut sekiranya (aku tidak melakukan sedemikian) orang akan menyandarkan kepada Nabi kata-kata yang bukan daripadanya” Tindakan Umar al-Khattab menyemak keabsahan hadith haruslah diteladani, hal ini kerana beliau mengambil sikap berhati-hati dalam menerima dan menyandarkan hadith kepada baginda Nabi Muhammad S.A.W
- 2) Dari Asma bin 'Ubaid ia berkata, “Ada dua orang yang dikenali pengikut hawa nafsu masuk menemui Ibnu Sirin kemudian keduanya berkata; “Wahai Abu Bakar, bolehkah kami menceritakan kepadamu suatu hadith? beliau menjawab, “Tidak”, keduanya berkata, “Bagaimana kalau kami membacakan kepadamu sebuah ayat dari kitab Allah? ia menjawab, “tidak”, kamu berdua yang pergi meninggalkanku ataukah aku yang pergi meninggalkan kamu berdua”. ia berkata, “maka kedua orang itu pergi”. Sebahagian orang-orang berkata kepadanya: “Wahai Abu Bakar mengapa tidak kamu biarkan saja dia membacakan sebuah ayat dari kitab Allah? Beliau menjawab, “Aku takut ia membacakan sebuah ayat kepadaku kemudian mereka menyelewengkan maknanya, dan hal itu boleh tertanam dalam hatiku.”

Ibn Sirin menolak sekerasnya untuk mendengar hadith daripada pengikut hawa nafsu beliau dengan berani bertindak meninggalkan atau menghalau mereka daripada menyebarkan hadith palsu mereka, sikap berhati-hati mengambil ilmu daripada pengikut hawa nafsu perlulah diteladani dengan sebaiknya oleh penuntut ilmu agar ilmu yang diterima berkualiti dan bermanfaat.

- 3) Abu al-Walid al-Tayalisi berkata bahawa beliau pernah duduk bersama Syu’bah bin al-Hajjaj, lalu seorang pemuda datang mendekatinya dan memintanya untuk diperdengarkan ḥadith. Syu’bah bertanya kepadanya; “Adakah kamu seorang tukang

cerita?” Jawab lelaki itu; “Ya”. Lalu berkata Syu’bah; “Pergilah, kerana sesungguhnya aku tidak memberi ḥadith kepada para penglipur lara”. Maka Abu al-Walid al-Tayalisi bertanya mengapa Syu’bah melakukan sedemikian. Jawab beliau, mereka ini (al-Quṣṣāṣ) suka mengambil ḥadith sejengkal, kemudian menjadikannya sehasta.

- 4) Ibn Khuzaymah ada menceritakan bahawa beliau pernah bersama dengan seorang gabenor bernama Ismai’l bin Ahmad yang ketika itu sedang menyampaikan suatu hadith daripada ayahnya. Namun Ibnu Khuzaymah mendapati ada kesilapan pada sanadnya. Lalu Ibnu Khuzaymah pun menegurnya. Kemudian apabila keluar, Abu Dzar al-Qadhi pun berkata kepadanya, “Sesungguhnya kami sememangnya telah mengetahui kesilapan hadith yang disampaikan gabenor tersebut sejak 20 tahun lalu. Namun tiada seorang pun dalam kalangan kami yang mampu ataupun sanggup menegurnya.” Balas Ibn Khuzaymah, “Tidak halal bagiku untuk mendengar sesuatu daripada Rasulullah S.A.W yang ada padanya kesilapan atau penyelewengan lalu aku tidak menegurnya!” Pendirian tegas yang ditonjolkan oleh Ibn Khuzaymah dalam mengekang penyebaran hadith palsu haruslah dicontohi oleh ilmuwan masa kini. Keberanian beliau dalam menegakkan kebenaran dan berjuang memelihara hadith nabi Muhammad S.A.W daripada pendustaan oleh pemerintah. Penulis mendapati, sekiranya berlaku di masa kini, para ilmuwan boleh menegur dengan berhikmah pada saluran yang betul agar hadith palsu tidak tersebar dalam masyarakat.
- 5) Suatu hari *al-A'masy* masuk ke dalam masjid dan melihat seorang penceramah (agama). Beliau membaca hadis: Telah menceritakan kepadaku *al-A'masy*, daripada Abi Ishaq. (*al-A'masy* tahu dia menipu kerana dia tidak pernah menjadi murid beliau). Lalu *al-A'masy* pergi ke tengah halaqah ceramah beliau sambil mencabut bulu ketiak. Penceramah itu menegurnya dengan berkata: "Wahai orang tua, tidakkah engkau berasa malu melakukan perkara itu sedangkan kami sedang berbincang mengenai ilmu?". *al-A'masy* menjawab: "Apa yang aku lakukan (cabut bulu ketiak) ini lebih baik dari apa yang kamu lakukan". Tanya penceramah: "Bagaimana pula?". Kata *al-A'masy*: "Aku sedang melakukan perkara sunnah sedangkan engkau sedang berbohong (menggunakan nama Nabi)! Akulah *al-A'masy* dan aku tidak pernah meriwayatkan hadis yang nyatakan tadi!"

Kisah ini memberi teladan kepada kita bahawa al-a'masy berani menegakkan kebenaran dengan menegur penceramah di hadapan khayal ramai, hal ini menunjukkan tanda protes dan tidak setuju beliau terhadap penceramah tersebut. Oleh itu, ahli ilmu dan ulama' masa kini haruslah bersifat berani dan tegas terhadap golongan pemalsu hadith.

## KESIMPULAN

Hadith palsu merupakan satu pendustaan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Tambahan lagi, penyebaran hadih palsu memberi kesan kepada aqidah, ibadah dan akhlak umat Islam. Hal ini kerana, apabila masyarakat awam mengamalkan perkara yang bukan didasari oleh nas yang sahih, ia kan menyebabkan aqidah umat Islam akan rosak dan amalan umat Islam akan menjadi sia-sia. Penyebaran hadith palsu disebabkan oleh ketaksuhan kepada mazhab, politik serta ingin meraih populariti dalam kalangan umat Islam dengan mereka-reka hadith yang berbentuk galakan dan ancaman. Usaha ulama hadith mutaqaddimin dalam mengekang penyebaran hadith

palsu adalah sangat signifikan dan berkesan dalam mengekalkan keaslian ajaran Islam. Melalui pendekatan sistematis dan metodologi yang ketat, mereka telah mengembangkan disiplin ilmu hadith yang mencakupi aspek pengumpulan, penilaian, dan pengesahan sumber-sumber hadith.

Ulama seperti Imam Bukhari dan Imam Muslim telah menetapkan kriteria yang jelas bagi penilaian perawi, yang meliputi ‘adalah, kejituhan ingatan, dan ketepatan dalam meriwayatkan hadith. Usaha mereka tidak hanya terhad kepada pengumpulan teks, tetapi juga merangkumi penjelasan tentang konteks dan aplikasi hadith dalam kehidupan seharian. Dengan ini, mereka telah berjaya menyingsirkan hadith-hadith yang meragukan dan menyebarkan pengetahuan yang sahih kepada masyarakat.

Untuk memastikan usaha mencegah penyebaran hadith palsu berterusan dan berkesan, beberapa cadangan boleh diimplimentasikan antaranya ialah meningkatkan program pendidikan yang menekankan pentingnya ilmu hadith dan teknik menilai sumber-sumber hadith kepada generasi muda melalui institusi pendidikan formal dan tidak formal. Selain itu, penggunaan teknologi dengan mengembangkan platform digital yang mengandungi pangkalan data hadith yang sah serta penjelasan mengenai hadith-hadith yang tidak sah, bagi memudahkan masyarakat mengakses informasi yang tepat. Kerjasama antara ulama dan ahli akademik. Menggalakkan kerjasama antara ulama hadith dan cendekiawan dalam bidang lain untuk menghasilkan kajian yang lebih mendalam mengenai hadith, termasuk konteks sejarah dan sosio-budaya yang mempengaruhi penyebaran hadith. Seterusnya, Memastikan penyelidikan berterusan dalam bidang hadith, dengan memberi fokus kepada analisis kritikal terhadap karya-karya lama dan baharu, untuk mengenalpasti dan menangani hadith yang tidak sah. Dengan langkah-langkah ini, usaha ulama hadith mutaqaddimin dapat diteruskan dan diperkuatkan, memastikan warisan ilmu hadith yang sah dapat diwarisi oleh generasi akan datang, sekaligus membanteras penyebaran hadith palsu yang merosakkan akidah dan amalan umat Islam.

## RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. (1311). *Sahih Bukhari*. Mesir: As-Sultaniah Matba’ah al-Amiriah.
- Al-Dhahabi. (1963). *Mizan al-I’tidal*. Dar al-Ma’rifah
- Alit, N. A., Shumsudin Yabi, & Mohd Yusuf Ismail. (2023). Aplikasi Tabayyun dalam Penerimaan Hadith dan Kepentingannya dalam Mengelak Penyebaran Hadith Palsu di Malaysia: Application of Tabayyun and Its Importance in Limiting the Spreading of Fabricated Hadis in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 10(1), 120-132. Retrieved from <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/246>

- Al-Khatib al-Baghdadi. *Jami'lil akhlak Ar-Rawi wa Adab Sami'*. Maktabah Al-Maarif
- Al-Suyuti. (1974). *Tahzir al-Khawwas Min Akazib al-Qussas*. Al-Maktab Islami.
- Ibn Abdil Bar. *Al-Intiqa'fi Fada'il al-A'imma*. Dar al-Kutub Ilmiyyah
- Ibn Hibban.(1396). *Al-Mahjruhin Min al-muhadithin*. Dar al-Wa'yi.
- Kamilin Jamilin. (2018). *Ulama Hadis Makhluk Asing Dari Bumi*. Publishing House Sdn Bhd.
- Muhammad Asyraf Baharudin , Roshimah Shamsudin. (2022). Manhaj Ulama Hadis Mutaqaddimin, Muta'akhkhirin Dan Mu'asirin Dalam Taqwiyah Hadis Hasan Dan Da'if. Jamalullail Journal [Vol. 1, No. 2 (Dis 2022)]
- Muslim Bin al-hajjaj. (n.d). *Sahih Muslim. Dar Ihya' Turath Arabi*.
- Shayuthy. (2020). *Asas Kenali Hadis Sahih, Dhaif dan Palsu*. Malaha Press.
- Syed Abdul Majid Ghouri. (2017). *Pengenalan Ilmu Mustalah Al-Hadith*. Darul Syakir Enterprise.
- Syed Abdul Majid Ghouri. (2021). *Pengenalan Ilm al-Rijal*. Darul Syakir Enterprise.
- Yaakob, M. A. bin, & Shamsudin, R. (2019). Manhaj Sarjana Hadith Dalam Menentukan 'Illah Dalam Periwayatan Al-Tafarrud: Kajian Perbandingan Antara Sarjana Mutaqaddimin Dan Muta'akhkhirin: The Methodology of Hadith Scholars in Identifying 'Illah in the Narration of al-Tafarrud: A Comparative Study Between Mutaqaddimin and Muta'akhkhirin Scholars. *Journal Of Hadith Studies*, 4(2), 1-12. <https://doi.org/10.33102/johs.v4i2.74>